

MCA bersiap sedia untuk kekalkan kerusi Seremban

KUALA LUMPUR, Jumaat — MCA menubuhkan dua jawatankuasa khas bagi menggerakkan strategi utamanya 'untuk menang' dalam pilihanraya kecil Parlimen kawasan Seremban, Negeri Sembilan, meskipun kerusi kawasan itu masih belum dikosongkan secara rasmi.

Pemangku Presiden, Datuk Dr Neo Yee Pan sendiri mengetuai jawatankuasa peringkat nasional yang dianggotai oleh 'orang kuat' parti, termasuk Pemangku Timbalan Presiden, Datuk Mak Hon Kam, Naib-Naib Presiden dan Setiausaha Agung, Tan Sri Chong Hon Nyan.

Jawatankuasa peringkat negeri pula, yang akan menggembiling tenaga di semua kawasan di Seremban itu diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan MCA negeri, Encik Gan Kong Seng.

Datuk Dr Neo menjelaskan, ke-

dua jawatankuasa itu akan menjalankan usaha habis-habisan untuk mempertahankan kerusi Parlimen yang dimenangi oleh bekas Presiden Parti, Datuk Lee San Choon setelah mengalahkan Pengerusi DAP, Dr Chen Man Hin, dengan 846 undi dalam pilihanraya umum lalu.

Jawatankuasa peringkat nasional dan negeri itu ditubuhkan dalam mesyuarat Majlis Presiden MCA yang dipengerusikan oleh Pemangku Presiden, Datuk Dr Neo Yee Pan di sini, hari ini.

Selain dari dua jawatankuasa penting itu, mesyuarat juga menubuhkan sebuah lagi jawatankuasa mengenal undang-undang bagi meninjau semua aspek perundangan dalam tempoh pilihanraya kecil itu. Anggota dalam jawatankuasa undang-undang, pertama pernah ditubuhkan itu, akan dilantik kemudian.

Datuk Dr Neo memberitahu pemberita bahawa sehingga ini, Datuk Lee San Choon yang kini be-

rada di luar negeri masih belum mengemukakan surat perletakan kerusinya itu kepada Speaker Dewan Rakyat.

Bagaimanapun, difahamkan, Datuk Lee akan berbuat demikian, pertengahan bulan depan.

Menurut Datuk Dr Neo, surat perletakan kerusi itu akan hanya berkuatkuasa pada tarikh bekas Presiden itu mengemukakan surat itu.

Datuk Dr Neo berkata, beliau hanya memegang salinan surat perletakan jawatan itu.

Ditanya mengenai calon dalam pilihanraya itu, beliau berkata, mereka yang dipilih adalah 'calon rakyat' yang boleh diterima khasnya penduduk di Seremban, berkelayakan dan cergas.

Sebelum ini, beliau menyebut bahawa lima ahli MCA telah disenarai untuk bertanding.

Beliau masih merahsiakan nama calon-calon itu.

Bagaimanapun, dua nama yang disebut-sebut setakat ini ialah Dr

Chong Hong Liong dan Puan Rosie Teh Lee Beng.

Ditanya, apakah strategi parti bagi menghadapi pilihanraya kecil itu, Datuk Dr Neo berkata, "kita mesti memastikan kemenangan. Kita mesti mempertahankan kerusi itu."

Beliau enggan mengulas apakah bentuk pertandingan yang dikehendakinya sama ada satu lawan satu, tiga penjuror atau sebagainya.

"Kami akan menghadapinya walau apa bentuk pertandingan sekalipun," tambahnya.

Beliau menolak dakwaan bahawa penduduk di Seremban hilang kepercayaan terhadap BN disebabkan janji-janji dalam kempen pilihanraya umum lalu masih belum dipenuhi.

Menurutnya, sebahagian dari janji itu telah pun ditunaikan dan akan diteruskan.

Beliau mempersoalkan, apakah yang mampu diberi oleh DAP. Ini haruslah disadari oleh rakyat.

Ketua Pemuda MCA, Datuk Lee Kim Sai pula berkata, pemuda akan bersama-sama berjuang habis-habisan memastikan kejayaan calon Barisan Nasional (BN).

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia